

3 negara bincang program pembangunan di Utara Semenanjung

U.M. 10 AUG 1991



SHAH ALAM 9 Ogos — Malaysia, Thailand dan Indonesia sedang menimbang cadangan untuk melaksanakan program pembangunan di segi tiga di utara Semenanjung Malaysia.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, program pembangunan kawasan itu bertujuan meningkatkan lagi hubungan kerjasama ekonomi di antara negara terlibat terutamanya dalam bidang perindustrian dan tenaga.

Beliau menjelaskan, empat buah negeri yang terlibat dalam program pembangunan tersebut iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak manakala Thailand pula melibatkan 14 wilayah Selatan-nya dan Indonesia pula di kawasan di Utara Sumatera.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan pembukaan kilang Matsushita Air-Conditioning Corp. Sdn. Bhd. Matsushita Compressor and Motor Sdn. Bhd. dan upacara meletak batu asas Matsushita Au-Conditioning Research & Development Centre (R&D) di sini lewat petang ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, pembangunan kawasan segi tiga itu mungkin mengambil masa kerana terdapat beberapa perkara kompleks yang perlu diatasi.

"Untuk memajukan kawasan ini di peringkat permulaan, kita terpaksa membangunkan dahulu sektor pengangkutan, sistem perhubungan dan pelabuhan.

"Ini bermakna pembangunan infrastruktur terpaksa dijalankan di ketiga-tiga negara ini dan hanya setelah segala-galanya diselesaikan, barulah projek ini boleh dilaksanakan," jelas beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir, berkata kedua-dua negara yang terlibat dengan projek pembangunan itu (Thailand dan Indonesia) menyambut baik cadangan pembangunan tersebut.

Menjawab satu soalan, katanya, pembangunan kawasan itu tidak seharusnya ditakrifkan sebagai saingan kepada pembangunan kawasan tiga segi selatan yang melibatkan Johor Baharu, Singapura dan Pulau Batam di Indonesia.

Sebaliknya, tegas beliau, pembangunan kawasan utara itu perlu ditakrifkan sebagai pelengkap kepada usaha-usaha pembangunan yang sedang dijalankan di rantau ini.

Mengenai penubuhan pusat R&D Matsushita di negara ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, ia adalah satu usaha yang baik dan perlu dicontohi bukan sahaja oleh syarikat-syarikat Jepun lain tetapi juga syarikat asing yang beroperasi di Malaysia.

Perdana Menteri menolak dakwaan bahawa Jepun enggan melakukan pemindahan teknologi ke negara ini.

"Saya berpendapat Jepun juga memindahkan teknologi kepada Malaysia kerana kalau tidak, tak mungkin kita dapat mengeluarkan Proton Saga tanpa teknologi Jepun.

"Dalam bidang pembuatan kereta, tiada negara lain yang sanggup atau boleh memindahkan teknologi mereka sendiri dari Jepun," jelas beliau.

Mengenai keyakinan Presiden Amerika Syarikat, George Bush bahawa Malaysia akan menjadi negara maju menjelang tahun 2020 di bawah pimpinan beliau, Dato' Sri Dr. Mahathir berterima kasih dengan kenyataan yang dibuat itu.

Mengenai penerimaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi Korea Selatan dan Korea Utara sebagai anggotanya Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, ia telah mengatasi masalah pengiktirafan terhadap kedua-dua negara itu.

Malaysia menyambut baik keanggotaan kedua-dua negara dalam pertubuhan dunia itu, kata Perdana Menteri kepada pemberita di sini ketika diminta mengulas keputusan Majlis Keselamatan PBB menerima permohonan kedua-dua negara itu sebagai anggotanya.

Beliau berkata perkembangan itu tidak menimbulkan masalah kepada Malaysia kerana sejak dulu lagi negara ini telah mengadakan hubungan diplomatik dengan Korea Selatan dan Korea Utara.